

11/10/2001

Malaysia syor galak pelancongan di kalangan OIC

ad Jamalludin; Norliza Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia menyarankan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menggalakkan pelancongan dalam negara kalangan anggotanya bagi menseimbangkan aliran pelancong.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid, berkata sebagai sebuah pertubuhan yang mempunyai ramai anggota, OIC perlu mempromosi pengembaraan dan pelancongan bagi memastikan ia tidak ketinggalan dalam industri itu yang kini berkembang pesat di seluruh dunia.

Dalam hubungan itu, katanya, negara OIC bertuah kerana dikurniakan alam semula jadi, budaya dan warisan sejarah yang tidak ternilai dan boleh digunakan untuk menarik pelancong bukan saja di kalangan negara anggota malah seluruh dunia.

"Bagaimanapun, penilaian sebenar mendapati pelancongan khususnya di kalangan negara OIC tidak seimbang dan usaha perlu dilakukan untuk mempromosi pelancongan intra membabitkan negara itu.

"Sehubungan itu, penggalakkan pelancongan dan pelaburan pasti memerlukan perancangan, penganjuran, strategi, penyelarasan dan jalinan usaha sama di antara kerajaan dan institusi serta mereka yang terbabit dalam industri berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat peringkat pegawai kanan sempena Persidangan Menteri Pelancongan Islam Ke-2 di sini, hari ini.

Seramai 80 perwakilan dari 28 negara OIC menghadiri mesyuarat peringkat pegawai kanan selama dua hari itu manakala 15 menteri, empat timbalan menteri dan lima duta dijangka menghadiri persidangan peringkat menteri mulai Jumaat ini.

Persidangan bertema Perkongsian Pintar Bagi Mewujudkan Perpaduan dan Kemakmuran itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Persidangan itu antara lain akan membincangkan mengenai hala tuju perkembangan industri pelancongan di negara masing-masing.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat peringkat pegawai kanan itu, Tengku Alaudin berkata, ketidakseimbangan dalam aliran pelancong yang kini lebih memihak kepada negara OIC itu sendiri, perlu diperbetulkan.

"Kita percaya pelancongan adalah industri yang berkembang dan boleh diguna pakai oleh semua kerana tidak ada persaingan antara negara.

"Oleh itu, adalah lebih baik supaya kita bekerjasama dan memberi bantuan untuk memperbaiki lagi produk pelancongan di negara masing-masing," katanya.

Ditanya mengenai topik mesyuarat peringkat pegawai kanan itu, Tengku Alaudin berkata, mesyuarat itu antara lain membuat persediaan untuk dibawa ke peringkat menteri bagi menentukan program seterusnya yang akan dilaksanakan oleh negara OIC dalam bidang pelancongan.

Beliau berkata, semua perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu terkandung dalam Deklarasi Isfahan yang antara lain menggesa satu pelan bertindak dibentuk untuk memajukan industri pelancongan di kalangan negara anggota OIC.

(END)